



BUNGE

Kod Kelakuan



Perutusan daripada CEO



RAKAN SEKERJA YANG DIHORMATI,

Di Bunge, mencapai potensi unggul kita bermaksud kita bertanggungjawab mematuhi standard etika dan integriti yang paling tinggi. Kita mempunyai matlamat yang penting: menghubungkan petani dengan pengguna untuk membawakan makanan, makanan haiwan dan bahan api yang penting kepada dunia. Keyakinan bahawa kita akan melakukan perkara yang betul menjadi kunci untuk menjaga reputasi kita dengan pelanggan, pemegang saham dan rakan sekerja.

Kod Kelakuan (“Kod”) Bunge bertindak sebagai sumber untuk membantu anda memahami tanggungjawab anda sebagai pekerja agar anda dapat menjalankan perniagaan secara beretika dan menurut lunas undang-undang. Kod ini tidak akan memberikan jawapan bagi setiap situasi yang anda hadapi, tetapi boleh menjadi panduan sumber kepada anda. Kod ini menjelaskan prinsip dan standard yang mesti kita patuhi untuk menerapkan nilai teras kita, di samping undang-undang, peraturan dan dasar tertentu yang dikenakan terhadap kita. Sila baca keseluruhan Kod ini dan rujuk kod kelakuan ini secara berterusan dan tanyakan soalan jika ada perkara yang kurang jelas.

Kami menguatkuasakan Kod ini secara adil dan konsisten, tanpa mengira jawatan anda di Bunge. Anda mungkin mendapati Kod ini menekankan pendekatan Satu Bunge. Pasukan yang berjaya tentunya bekerjasama, memupuk rangkuman, kolaborasi dan rasa hormat. Jika anda mendapati sesuatu yang membuat anda berasa kurang selesa, sila tampil bersuara. Kod ini menyediakan beberapa sumber untuk menangani pertanyaan atau kebimbangan anda. Komitmen anda untuk memenuhi jangkaan yang terkandung dalam Kod ini adalah penting kepada kejayaan kita dan nilai yang diwujudkan untuk semua pihak berkepentingan kita dalam pasaran global yang dinamik.

Salam hormat,

Greg Heckman
Ketua Pegawai Eksekutif
Bunge Global SA

Amalkan Kod ini – Setiap Hari

Kita bersemangat, berani dan gigih. Bersama, kita menerajui usaha untuk memberikan hasil untuk pelanggan kita, satu sama lain dan ke seluruh dunia. Kita warga Bunge.

Nilai Kita



KITA SATU PASUKAN

- › Kerjasama
- › Hormat
- › Terangkum



KITA MEMIMPIN HALA TUJU

- › Tangkas
- › Diperkasakan
- › Inovatif



KITA MELAKUKAN PERKARA YANG BETUL

- › Secara Selamat
- › Secara Lestari
- › dengan Integriti

Kita semua mempunyai tanggungjawab peribadi untuk mematuhi Kod ini. Kita mesti memastikan kita membina pertumbuhan yang positif sambil mengekalkan hubungan yang erat antara satu sama lain dan dengan pelanggan.


Nilai-nilai kita sememangnya dapat dilihat pada cara kita bekerja. Nilai ini merupakan panduan penting bagi setiap pekerja dan menjadi standard yang menentukan tindakan serta cara kita menjalankan urusan niaga.

Kod ini tidak mengubah sebarang terma dan syarat kita berhubung penggajian atau mewujudkan hak berkontrak untuk anda mahupun orang lain.

Kandungan

Navigasi boleh klik  Ikon halaman utama akan membawa anda kembali ke halaman ini

PERUTUSAN DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	2
AMALKAN KOD INI – Setiap Hari	3
PENGENALAN	5
Kod Kelakuan Kita	
Apakah yang Dijangkakan daripada Saya?	
Apakah Jangkaan Kita Terhadap Pengurus Kita?	
Bertanya Soalan dan Mengajukan Kebimbangan	
MEMBUAT KEPUTUSAN SECARA BERETIKA	11
MEMFOKUSKAN RAKAN SEKERJA KITA	13
Saling Hormat di Tempat Kerja	
Kesihatan dan Keselamatan di Tempat Kerja	
Amalan Pekerjaan yang Adil	
Privasi Data	
MEMFOKUSKAN SYARIKAT KITA	18
Melindungi Aset Syarikat	
Sistem Maklumat dan Komunikasi	
Maklumat Sulit dan Harta Intelek	
Konflik Kepentingan	
Hadiah dan Keraian	
MEMFOKUSKAN RAKAN PERNIAGAAN KITA	26
Menyediakan Produk dan Perkhidmatan yang Selamat serta Berkualiti Tinggi	
Melayan Orang Lain dengan Adil	
Bersaing Secara Adil	
Menolak Rasuah dan Penyelewengan	
Menjalankan Perniagaan di Persada Antarabangsa	
MEMFOKUSKAN PEMEGANG SAHAM KITA	34
Buku dan Rekod yang Tepat	
Perdagangan Orang Dalam	
MEMFOKUSKAN KOMUNITI KITA	38
Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	
Aktiviti Politik	
Komunikasi Luaran	
Sumbangan	
SUMBER	43
SOALAN DAN JAWAPAN	44



PENGENALAN

Kod Kelakuan Kita

Apakah yang Dijanjikan daripada Saya?

Apakah Jangkaan Kita terhadap Pengurus Kita?

Bertanya Soalan dan Mengajukan Kebimbangan



Kod Kelakuan Kita

Di Bunge, kita mesti mengekalkan kepercayaan pekerja, pelanggan, pemegang saham, pembekal dan komuniti tempat kita beroperasi. Kod Kelakuan Bunge ("Kod") membantu kita memenuhi tanggungjawab kita dan menjadi rangka kerja bagi membuat keputusan yang beretika dengan membantu kita:

- Mematuhi nilai-nilai dan merealisasikan potensi penuh kita.
- Menghuraikan cara kita menjalankan perniagaan dengan betul dan mengikut lunas undang-undang.
- Memberikan panduan kepada kakitangan tentang cara membuat keputusan yang beretika dalam tugas harian mereka.

- Menggariskan cara prinsip dan standard yang diperincikan dalam Kod ini menyokong pihak berkepentingan kita, warga kerja, pemegang saham, pelanggan, pembekal dan komuniti tempat kita beroperasi.

Kod kita terpakai pada semua warga komuniti Bunge, termasuk pekerja sepenuh masa / separuh masa / sementara, pegawai, Lembaga Pengarah, dan pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada kontraktor, ejen dan perunding.

Kod kita tidak menjelaskan semua situasi atau memberikan maklumat terperinci tentang setiap keadaan yang mungkin kita hadapi dalam tugas kita di Bunge. Kod ini tidak memperincikan setiap dasar dan prosedur korporat Bunge atau setempat. Sebaliknya, Kod

ini menghuraikan prinsip menyeluruh yang memandu urusan perniagaan dan membantu kita menangani situasi yang mungkin timbul. Kita dikehendaki mematuhi Kod ini, sama ada yang tersirat mahupun yang tersurat.

Jika ragu-ragu – bertanyalah.

Rujuk sumber yang disenaraikan di bawah [Bertanya Soalan & Mengajukan Kebimbangan](#).

*Istilah "Bunge" atau "Syarikat" merujuk Bunge Global SA dan semua anak syarikat milik penuhnya atau milik sebahagian besarnya, syarikat sekutu dan usaha sama yang dikawal oleh Bunge. Istilah "pekerja" atau "anda" dan "kakitangan", "ahli pasukan" atau "kita" merujuk kepada pengarah, pegawai dan kakitangan Bunge, melainkan dinyatakan sebaliknya.



Apakah yang Dijangkakan daripada Saya?

Di Bunge, semua orang mesti bertanggungjawab atas tindakan mereka. Reputasi kita berhubung integriti bergantung pada tindakan kita – di mana-mana jua, setiap hari. Anda bertanggungjawab untuk membaca dan mematuhi Kod, dasar dan prosedur Syarikat, dan undang-undang yang berkaitan.

Contoh pematuan termasuklah yang berikut:

- **Jangan** sembunyikan kegagalan sesiapa pun untuk mematuhi Kod, dasar dan prosedur Syarikat, atau undang-undang. Laporkan sebarang ketakpatuhan dengan segera.
- **Jangan** minta atau benarkan pihak ketiga untuk bertindak bagi pihak Bunge dalam apa-apa jua cara yang boleh melanggar Kod, dasar dan prosedur Syarikat, atau undang-undang.
- **Sila** baca dan rujuk Kod ini dengan kerap.
- **Sila** tampil bersuara dengan segera jika anda ada kebimbangan atau pertanyaan.
- **Sila** rujuk sumber yang disenaraikan di bawah [Bertanya Soalan & Mengajukan Kebimbangan](#).



Apakah Jangkaan Kita terhadap Pengurus Kita?

Pengurus dikehendaki memimpin melalui teladan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang inklusif, jujur, terbuka dan bermaklumat kerana mereka mempengaruhi serta menentukan keutuhan organisasi. Pengurus dikehendaki mempromosikan budaya terbuka kita. Rujuk mereka dalam hal yang berikut:

- Bantuan untuk memahami Kod, dasar dan prosedur Syarikat, dan undang-undang yang berkenaan
- Panduan dan jawapan bagi pertanyaan dan kebimbangan
- Sokongan bagi dasar tiada tindakan balas

Nota: Pengurus tidak boleh mengambil – atau membenarkan – sebarang tindakan balas terhadap pekerja yang membuat laporan dengan suci hati tentang salah laku yang disyaki atau terlibat dalam siasatan.

Jika anda seorang pengurus dan anda tidak pasti jawapan bagi pertanyaan pekerja atau cara menangani kebimbangan pekerja, rujuk sumber yang disenaraikan dalam [Bertanya Soalan & Mengajukan Kebimbangan](#).



Bertanya Soalan & Mengajukan Kebimbangan

Bagaimanakah cara mendapatkan jawapan bagi soalan yang tidak dijelaskan dalam Kod?

Sekiranya terdapat sebarang keraguan biarpun sedikit tentang tindakan yang terbaik, dapatkan panduan daripada salah satu sumber yang disenaraikan di sini.

Mengapakah penting anda melaporkan kebimbangan?

Bunge berusaha untuk mewujudkan budaya terbuka. Tindakan segera anda melaporkan sebarang salah laku yang disyaki menyokong budaya kita dan dapat membantu mencegah atau menghadkan kerosakan pada Bunge dan reputasi kita. Jika anda berasa bimbang tentang perilaku yang tidak beretika atau mengesyaki kemungkinan berlakunya pelanggaran Kod ini, sebarang dasar atau prosedur Syarikat atau undang-undang – laporkan perilaku itu dengan segera.

Siapakah yang harus saya hubungi untuk mendapatkan panduan atau melaporkan salah laku?

Sila hubungi mana-mana sumber yang berikut pada bila-bila masa:

- Pengurus anda atau pengurus lain yang anda percaya
- Sumber Manusia
- Jabatan Undang-undang
- Etika dan Pematuhan Global (GEC)
- Talian bantuan Bunge (talian bantuan)

Penyedia pihak ketiga bebas mengendalikan talian bantuan ini. Talian ini disediakan dalam pelbagai bahasa dan boleh dihubungi **24 jam sehari, 365 hari setahun**. Meskipun individu digalakkan untuk memberikan butiran mereka, laporan secara awanama diterima di lokasi yang dibenarkan oleh undang-undang setempat.

Hubungi talian bantuan pada bila-bila masa untuk membincangkan atau melaporkan sebarang isu termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Kecurian, penipuan atau sebarang bentuk ketidakjujuran
- Rasuah atau penyelewengan
- Konflik Kepentingan
- Gangguan, diskriminasi atau pembulian
- Ketaknalaran perakaunan atau kewangan
- Kesihatan dan keselamatan di tempat kerja
- Penyalahgunaan dadah atau alkohol di tempat kerja
- Keganasan atau perilaku menakutkan
- Pelanggaran atau eksploitasi hak asasi manusia
- Kebimbangan atau pelanggaran isu alam sekitar
- Tindakan balas terhadap sesiapa yang melaporkan pelanggaran atau kebimbangan
- Pelanggaran sebenar atau yang disyaki berhubung Kod ini, dasar atau prosedur Syarikat, atau undang-undang yang berkenaan

Talian bantuan disediakan dalam pelbagai bahasa dan boleh diakses melalui [Talian Bantuan Bunge](#) dan dengan menelefon **1.888.691.0773** atau **1.866.921.6714** bebas tol di A.S. dan Kanada. Senarai nombor telefon bebas tol mengikut negara boleh didapati di [Talian Bantuan Bunge](#).

Bertanya Soalan & Mengajukan Kebimbangan

Apakah yang berlaku apabila saya melaporkan kebimbangan?

Apabila anda menghubungi GEC atau menelefon talian bantuan, anda boleh menjangkakan:


- Kebimbangan anda akan diambil serius dan dikendalikan dengan segera, secara sulit dan profesional
- Maklumat yang dikongsi akan dimaklumkan secara sulit kepada ahli tertentu dalam pasukan GEC yang mengendalikan siasatan dan kepada individu lain yang dibenarkan sehingga takat yang perlu untuk menjalankan siasatan yang menyeluruh.
- Kami akan sentiasa berusaha untuk melindungi ketanpanamaan individu yang mengemukakan kebimbangan berhubung salah laku yang disyaki
- Tindakan akan ditentukan selepas penilaian
- Akan dihubungi secepat mungkin (jika kebimbangan tidak dibuat secara awanama)
- GEC mungkin menghubungi anda secara sulit melalui talian bantuan jika fakta tambahan diperlukan untuk menyiasat kebimbangan anda sepenuhnya
- Anda akan diberitahu sewajarnya semasa siasatan dan dimaklumkan tentang hasilnya setelah siasatan selesai (walaupun dilaporkan secara awanama)

Siasatan dan disiplin

Bunge bertindak segera terhadap semua laporan salah laku. Kakitangan mungkin dipanggil untuk membantu siasatan dalaman dan luaran dalam kes salah laku yang didakwa, selain bekerjasama dengan juruaudit dalaman dan luaran. Kita hendaklah sentiasa memberikan kerjasama dan maklumat yang lengkap serta tepat berkaitan siasatan.

Sesiapa yang melanggar Kod ini, atau bertindak balas terhadap orang lain yakni melanggar Kod ini atau dasar yang berkaitan, akan dipertanggungjawabkan dan dikenakan tindakan disiplin, sehingga termasuk pemecatan, menurut undang-undang setempat. Membuat laporan atau tuduhan yang berniat jahat atau palsu secara sengaja dianggap salah laku di bawah Kod ini.

Bunge melaksanakan dasar toleransi sifar kepada tindakan balas terhadap sesiapa yang melaporkan kebimbangan dengan niat suci, terlibat dalam siasatan, enggan terlibat dalam aktiviti yang tidak wajar atau salah, atau menegakkan hak di tempat kerja yang dilindungi oleh undang-undang. Niat suci bermakna anda mempunyai kepercayaan yang munasabah bahawa maklumat yang anda berikan adalah betul, dan bahawa anda memberikan semua maklumat yang anda ketahui, **walaupun akhirnya ternyata laporan anda tidak berasas**. Syarikat akan menyiasat tindakan balas dan mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.



Tindakan balas berlaku apabila Bunge atau kakitangan Bunge mengambil tindakan memudaratkan terhadap seseorang kerana orang tersebut terlibat dalam aktiviti yang dilindungi seperti melaporkan kebimbangan kepada Talian Bantuan Bunge. Antara contoh tindakan memudaratkan termasuk, tetapi tidak terhad kepada: penurunan pangkat; penggantungan perkhidmatan; gagal diambil bekerja atau dipertimbangkan untuk diambil bekerja atau untuk kenaikan pangkat; dan mewujudkan persekitaran kerja seteru atau menakutkan.

Membuat Keputusan Secara Beretika

Etika yang Baik = Perniagaan yang Baik

Kita bertanggungjawab mengenali isu etika dan melakukan perkara yang betul dalam semua aktiviti perniagaan Bunge. Kita mesti memahami Kod ini dan cara menggunakan Kod ini dalam situasi yang kita hadapi sepanjang urusan kerja. Biasanya mudah untuk menentukan cara mengguna pakai Kod ini, tetapi sesetengah situasi mungkin lebih rumit. Jika anda berdepan situasi yang sukar untuk anda menentukan tindakan yang perlu dibuat, gunakan soalan yang berikut untuk membantu anda mengenal pasti tindakan yang betul:


- Adakah perkara ini sah di sisi undang-undang?
- Adakah perkara ini mematuhi Kod?
- Adakah perkara ini mematuhi dasar atau prosedur Bunge?
- Adakah perkara ini mencerminkan budaya dan nilai Bunge?
- Adakah perkara ini bermanfaat untuk pihak berkepentingan Bunge dan tidak memberikan impak buruk?
- Adakah anda berasa selesa jika rakan sekerja tahu akan perkara ini atau jika perkara ini dilaporkan dalam berita?

Jika jawapan anda “tidak” atau “mungkin”, dapatkan nasihat.

Jika ragu-ragu – bertanyalah.



Membuat Keputusan Secara Beretika



MEMFOKUSKAN KAKITANGAN KITA

Saling Hormat di Tempat Kerja

Kesehatan dan Keselamatan di Tempat Kerja

Amalan Pekerjaan yang Adil

Privasi Data



Saling Hormat di Tempat Kerja

Kepelbagaian

Perbezaan dan kepelbagaian merupakan kekuatan kita. Bunge memupuk persekitaran yang menekankan keterbukaan, kepercayaan dan keterangkuman. Kita menghargai sumbangan unik daripada bakat, kebolehan, latar belakang, idea dan pengalaman setiap individu.

Diskriminasi

Bunge komited menyediakan persekitaran kerja yang penuh hormat, profesional dan bebas daripada diskriminasi, gangguan, pembulian dan ugutan. Bunge melarang sebarang bentuk diskriminasi yang menyalahi undang-undang terhadap mana-mana kakitangan atau pemohon kerja. Keputusan berkaitan penggajian, seperti pengambilan kerja, kenaikan pangkat dan pampasan dibuat tanpa mengambil kira sifat yang lazim dilindungi seperti:

- kaum, negara asal, warna kulit
- agama
- seks atau orientasi seksual
- jantina, identiti jantina, ekspresi jantina
- kewarganegaraan
- umur
- kecacatan
- status ketenteraan atau veteran
- status perkahwinan

Bidang kuasa tempat kita menjalankan perniagaan mungkin menyertakan sifat dilindungi tambahan yang tidak dinyatakan

di atas. Dasar syarikat menghendaki kita mematuhi undang-undang pekerjaan dan hak asasi manusia di tempat kita menjalankan perniagaan.

Gangguan dan pembulian

Kita semua berhak untuk bekerja dalam persekitaran yang melayan kita dengan bermaruah dan penuh hormat. Bunge tidak bertolak ansur dengan sebarang jenis gangguan dan pembulian.

Walaupun takrifan undang-undang mungkin berbeza mengikut bidang kuasa,

Gangguan secara umumnya merujuk perilaku tidak disenangi yang menjejaskan kesejahteraan psikologi atau fizikal seseorang; menyebabkan orang itu berasa terhina, takut atau tersinggung; atau mewujudkan persekitaran kerja yang bermusuhan. Gangguan mungkin datang daripada banyak punca, termasuk rakan sekerja, pengurus, pelanggan atau pembekal. Gangguan atau diskriminasi mungkin disebabkan oleh sifat yang dilindungi oleh undang-undang.

Gangguan mungkin melibatkan:

- tingkah laku yang berunsur seksual atau bukan seksual
- komen yang kesat atau menghina, nama julukan, cemuhan atau jenaka
- cubaan yang tidak disenangi untuk bernesra secara fizikal, atau perbuatan yang tidak wajar

Pembulian ialah perbuatan tidak wajar yang berulang, secara langsung atau tidak langsung, sama ada secara lisan, fizikal atau sebagainya, yang dilakukan oleh seorang atau beberapa orang terhadap orang lain di tempat kerja atau dalam urusan kerja, yang secara munasabah boleh dianggap sebagai mencalarakan maruah individu tersebut.

Pembulian termasuklah:

- kata-kata hinaan atau kejian, makian dan kesat
- gerak isyarat bukan lisan yang boleh menyampaikan mesej ugutan

Jika anda mengalami atau mendapati sebarang tingkah laku diskriminasi, gangguan atau pembulian, segera laporkan situasi tersebut kepada mana-mana sumber yang disenaraikan di bawah [Bertanya Soalan & Mengajukan Kebimbangan](#).

Rujuk Dasar Antigangguan/
Diskriminasi untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Sebelum anda bertindak atau bercakap, tanya diri anda soalan yang berikut:

Adakah kata-kata dan tindakan saya menunjukkan rasa hormat?

Adakah kata-kata dan tindakan saya tampak mengancam atau menyinggung?

Kesehatan & Keselamatan di Tempat Kerja

Keadaan kerja yang selamat

Kita semua mempunyai tanggungjawab kepada Bunge dan satu sama lain untuk memastikan tempat kerja yang selamat serta terpelihara untuk semua pekerja. Bunge tidak akan mendahulukan pengeluaran atau keuntungan sebelum keselamatan, dan kita komited kepada pencapaian budaya kemalangan sifar. Setiap orang dikehendaki mematuhi dasar keselamatan Bunge dan undang-undang serta peraturan yang direka untuk mencegah bahaya di tempat kerja dan mendorong persekitaran kerja yang sihat.

Keganasan di tempat kerja

Kita tidak bertolak ansur dengan keganasan di tempat kerja, termasuk ugutan dan ancaman. Bunge melarang individu daripada memiliki atau membawa senjata ke mana-mana kemudahan Bunge.

Penyalahgunaan bahan

Jika anda melapor ke tempat kerja di bawah pengaruh dadah atau alkohol, anda mengancam keselamatan dan kesihatan diri anda serta orang lain. Kita dilarang daripada memiliki, menggunakan atau bekerja di bawah pengaruh alkohol, dadah haram, bahan terkawal, atau menyalahgunakan ubat belian kaunter atau preskripsi, di tempat kerja.

Segera laporkan sebarang kebimbangan keselamatan atau keganasan kepada pengurus anda atau mana-mana sumber lain yang disenaraikan di bawah [Bertanya Soalan & Mengajukan Kebimbangan](#).

Rujuk [Dasar Kesihatan & Keselamatan Global](#) dan Dasar Keganasan di Tempat Kerja untuk mendapatkan maklumat lanjut.



Amalan Pekerjaan yang Adil

Bunge menghormati hak semua kakitangan dengan mematuhi semua undang-undang buruh yang berkenaan di semua tempat perniagaannya. Syarikat juga mengiktiraf hak pekerja untuk bebas berserikat. Bunge menghendaki rakan perniagaan dan pembekalnya mematuhi prinsip Kod ini, termasuk:

- komitmen untuk mematuhi standard hak asasi manusia yang ditetapkan pada peringkat antarabangsa
- melayan pekerja dengan bermaruah dan penuh hormat
- mematuhi semua undang-undang pekerjaan yang berkenaan

Kita tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana pembekal yang menggajikan atau mengeksploitasi kanak-kanak atau menggunakan buruh paksa dengan sengaja.

Bunge menjalankan ketekunan wajar terhadap pembekal dan berinteraksi secara kerap dengan pihak berkepentingan untuk memastikan kepatuhan kepada dasar kita, termasuk sistem kilan umum untuk melaporkan dakwaan eksploitasi dan penganiayaan.

Sila rujuk [Dasar Hak Asasi Manusia](#) untuk mendapatkan maklumat dan panduan lanjut.



Privasi Data

Maklumat peribadi kakitangan, rakan perniagaan dan pelanggan Bunge dikendalikan mengikut semua undang-undang privasi yang berkenaan dan dasar Syarikat. Maklumat peribadi ialah sebarang maklumat yang boleh, secara langsung atau tidak langsung, mengenal pasti individu, seperti nama dan maklumat hubungan, dan maklumat sensitif seperti maklumat berkaitan kesihatan. Maklumat peribadi tidak termasuk maklumat awanama atau bukan peribadi (iaitu maklumat yang tidak dapat dikaitkan dengan atau dijejak semula kepada individu tertentu).

Di Bunge, kita akan:

- Bertindak mengikut undang-undang yang berkenaan dan obligasi kontrak
- Bertindak mengikut dasar yang berkenaan dalam keperluan penyimpanan rekod dan undang-undang pemindahan rentas sempadan
- Mengumpulkan, menggunakan dan memproses maklumat peribadi yang mencukupi serta relevan mengikut lunas undang-undang, adil dan telus **hanya** bagi tujuan yang dinyatakan dan yang sah
- Memberikan notis privasi yang jelas dan tepat jika berkenaan



- Mengehadkan akses kepada maklumat peribadi mengikut asas perlu tahu
- Menyimpan, melindungi, menghantar dan memusnahkan maklumat peribadi dengan selamat menurut dasar dan undang-undang yang berkenaan
- Berhati-hati agar tidak berlaku pendedahan atau akses kepada maklumat peribadi tanpa kebenaran

Tiada jangkaan bagi privasi peribadi berhubung penggunaan sumber Bunge, melainkan yang dibenarkan oleh undang-undang setempat. Bunge berhak untuk memantau penggunaan aset Bunge menurut undang-undang yang berkenaan dan sebagaimana perlu untuk melindungi kepentingan

Bunge. Kami memantau kemudahan dan peralatan untuk memastikan keselamatan, mencegah aktiviti yang menyalahi undang-undang dan mematuhi keperluan undang-undang.

Bunge berhak untuk memeriksa kemudahan dan harta benda Syarikat, seperti komputer, rekod telefon, loker, e-mel, fail, dokumen perniagaan dan tempat kerja, menurut undang-undang yang berkenaan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang komitmen Bunge terhadap privasi dan untuk memahami jenis maklumat yang dianggap maklumat peribadi atau sensitif menurut undang-undang setempat yang berkenaan, sila hubungi Jabatan **Undang-undang** atau **GEC**.

MEMFOKUSKAN SYARIKAT KITA

Melindungi Aset Syarikat

Sistem Maklumat & Komunikasi

Maklumat Sulit & Harta Intelekt

Konflik Kepentingan

Hadiah & Keraian



Melindungi Aset Syarikat

Kita semua bertanggungjawab untuk melindungi dan mengendalikan harta benda Syarikat dengan betul. Jaga semua aset Bunge yang diamanahkan kepada anda, gunakan aset dengan cekap dan lindungi aset daripada penggunaan tanpa kebenaran untuk mengelakkan kerugian, kerosakan, kecurian dan pembaziran.

Aset Syarikat termasuk tetapi tidak terhad kepada:

Aset fizikal – seperti kemudahan, bekalan, peralatan, inventori, kenderaan, komputer, telefon dan dana Syarikat

Aset tak ketara – seperti maklumat sulit dan proprietari, harta intelek dan sistem maklumat

Contoh salah guna sumber Syarikat termasuklah: mengambil produk atau bekalan untuk kegunaan sendiri, mengecaj kad kredit Syarikat untuk perbelanjaan peribadi dan melencongkan aset melalui penipuan atau penggelapan.



Sistem Maklumat & Komunikasi

Penggunaan teknologi Syarikat yang wajar

Bunge menyediakan pelbagai sumber teknologi untuk memajukan perniagaan Syarikat. Kita bertanggungjawab untuk:

- Melindungi semua sumber ini, seperti komputer riba, telefon selular, telefon pintar, tablet dan perisian
- Mencegah kerosakan, bahaya, kerugian atau akses tanpa izin kepada sumber-sumber ini
- Menyediakan kata laluan yang kompleks agar tidak mudah diteka dan tidak berkongsi kata laluan
- Mengehadkan penggunaan peribadi dan memastikan penggunaan yang wajar
- Tidak membenarkan teknologi mengganggu tanggungjawab berkaitan kerja atau melanggar dasar Syarikat
- Melarang penggunaan sistem Syarikat (termasuk e-mel, pemesejan segera, Internet atau BungeConnect) untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang, tidak beretika atau bercanggah dengan Kod atau dasar dan prosedur Syarikat

Untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung penggunaan sumber teknologi Syarikat, sila rujuk Dasar Guna Boleh Terima.

Media sosial

Media sosial mempengaruhi cara kita berkongsi maklumat dengan ketara. Media ini memberikan peluang baharu untuk komunikasi dan kolaborasi namun mewujudkan kerisauan.

Terdapat pelbagai undang-undang di seluruh dunia yang mengawal perkara yang boleh dan tidak boleh dinyatakan oleh Syarikat tentang syarikat sendiri dan juga produk syarikat.

Jika tugas anda di Syarikat melibatkan penyiaran maklumat di laman media sosial, anda mesti mematuhi dasar dan panduan yang berkenaan

Komunikasi elektronik merupakan rekod kekal yang boleh dipindahkan, justeru berpotensi mencalarakan reputasi Syarikat kita. Jika anda ada sebarang pertanyaan tentang orang yang boleh berkomunikasi dalam isu tertentu atau sama ada komunikasi itu wajar, hubungi Jabatan Komunikasi atau mana-mana sumber yang disenaraikan di bawah [Bertanya Soalan & Mengajukan Kebimbangan](#).

daripada Jabatan Undang-undang dan/atau Komunikasi. Siaran atau perbincangan yang tidak dibenarkan tentang sebarang maklumat perniagaan atau prospek di Internet adalah dilarang sekeras-kerasnya. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, rujuk Dasar Komunikasi Global.



Maklumat Sulit & Harta Intelekt

Maklumat sulit dan harta intelektual Bunge merupakan aset yang tidak dapat diganti. Kita mesti menjaga dan melindungi penggunaan aset berharga ini menurut Dasar Klasifikasi Data.

Melindungi maklumat sulit

Maklumat sulit termasuk maklumat bukan awam tentang Syarikat dan maklumat khusus tentang pelanggan, pembekal, rakan perniagaan lain, pengguna atau kakitangan yang anda ketahui atau yang boleh anda akses dalam urusan tugas anda.

Maklumat sulit termasuk yang berikut:

- Semua e-mel, mel suara dan komunikasi lain Syarikat dianggap sulit dan tidak boleh dikongsi atau disebar di luar Bunge, kecuali diperlukan atas tujuan perniagaan yang sah.
- Maklumat bukan awam yang mungkin berguna kepada pesaing atau memudaratkan Bunge atau rakan perniagaannya dan pelanggan jika didedahkan adalah dianggap sebagai maklumat sulit. Maklumat ini termasuklah rancangan perniagaan, pemasaran dan perkhidmatan; maklumat kewangan; seni bina produk; kod sumber; idea kejuruteraan dan pembuatan; reka bentuk; pangkalan data; senarai pelanggan; strategi penetapan harga; data kakitangan;

maklumat boleh dikenal pasti secara peribadi yang berkaitan dengan pekerja kita, pelanggan atau individu lain (termasuk nama, alamat, nombor telefon dan nombor keselamatan sosial); dan jenis maklumat serupa yang diberikan kepada kita oleh pelanggan, pembekal dan rakan perniagaan.

Pekerja bertanggungjawab untuk melindungi maklumat sulit dan proprietari Bunge, dan tanggungjawab itu kekal meskipun setelah anda tidak lagi berkhidmat di Bunge. Panduan yang sama terpakai apabila bercakap dengan orang lain di dalam dan di luar organisasi kita, yang mungkin perbualan itu boleh didengar oleh orang. Ambil langkah tambahan untuk menjaga premis kita, komputer, dokumen dan bahan sensitif yang lain bagi melindungi maklumat sulit daripada berlakunya pendedahan.

Jika anda menemukan peraturan undang-undang atau kawal selia yang menghendaki anda mendedahkan maklumat sulit, sila hubungi Jabatan Undang-undang untuk mendapatkan nasihat. Sila rujuk dasar Klasifikasi Data dan Kerahsiaan dan Pendedahan Korporat untuk mendapatkan maklumat lanjut.



Maklumat Sulit & Harta Intelek



Melindungi harta intelek

Undang-undang melindungi hak kita berhubung harta intelek sepertimana jenis harta benda fizikal yang lain. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, hak kepada semua harta intelek yang dihasilkan dengan bahan Syarikat, menggunakan masa Syarikat, atas perbelanjaan Syarikat atau dalam skop tugas kita adalah menjadi hak milik Bunge.

Harta intelektual termasuk yang berikut dan diklasifikasikan sebagai **Terhad** atau **Sangat Terhad**:

Sebarang hasil ciptaan minda seperti paten, tanda dagangan, rahsia dagangan, ciptaan atau proses.

Sebagaimana kita menghendaki orang lain menghormati hak harta intelektual kita, kita juga mesti menghormati hak orang lain, termasuk pematuhan kepada pelesenan dan perjanjian lain yang seumpamanya.

Untuk memastikan Syarikat kita menerima manfaat daripada hasil kerja yang dibuat oleh perunding luar, perjanjian atau pelepasan yang sewajarnya mestilah dilaksanakan sebelum sebarang kerja dimulakan. **Semua fail, rekod, harta intelek dan laporan yang kita hasilkan atau peroleh sepanjang tempoh perkhidmatan kita di Bunge menjadi hak milik Bunge.**

Konflik Kepentingan

Apabila menjalankan urusan perniagaan bagi pihak Bunge, elakkan konflik kepentingan.

Konflik kepentingan wujud apabila kepentingan peribadi kita, termasuk kepentingan peribadi ahli keluarga, kawan dan rakan sekerja kita, menjejaskan – atau kelihatan menjejaskan – keupayaan kita untuk membuat keputusan objektif yang tepat bagi pihak Bunge.


Sememangnya sukar untuk menyatakan semua aktiviti yang melibatkan konflik kepentingan, tetapi bahagian yang berikut mengetengahkan beberapa situasi lazim yang mungkin menimbulkan konflik.

Pekerjaan luar dan perkaitan perniagaan

Kita semua bertanggungjawab untuk memastikan sebarang pekerjaan di luar Bunge tidak menjejaskan prestasi kerja atau mewujudkan konflik kepentingan. Anda dikehendaki memberitahu pengurus anda tentang sebarang kerja sampingan. Anda tidak boleh berkhidmat sebagai pengarah, pegawai, perunding, pekerja atau memegang apa-apa jawatan lain dalam mana-mana perusahaan yang menjadi pesaing Bunge atau yang menjalankan (atau berusaha untuk menjalankan) perniagaan dengan Bunge tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada pengurus anda, Jabatan Undang-undang atau GEC.

Kepentingan kewangan

Anda dan mana-mana ahli keluarga terdekat anda dilarang daripada memiliki kepentingan kewangan atau kepentingan benefisial lain dalam sebarang perusahaan yang berurus niaga dengan atau merupakan pesaing Bunge melainkan anda menerima kelulusan secara bertulis daripada pengurus anda, Jabatan Undang-undang atau GEC. Walau bagaimanapun, pemilikan yang kurang daripada 1% dalam sekuriti ekuiti belum tebus (atau melebihi 1% melalui dana amanah atau pengaturan bukan budi bicara, bukan terarah yang serupa) bagi mana-mana syarikat dagangan awam adalah dibenarkan.



Konflik Kepentingan

Berurusan dengan ahli keluarga atau kawan rapat

Hubungan dengan ahli keluarga dan kawan rapat boleh mempengaruhi keputusan kita. Kita mesti mengelakkan sebarang konflik kepentingan antara hubungan peribadi dan profesional.

Untuk mengelakkan konflik kepentingan:

- Pengurus tidak boleh menyelia ahli keluarga terdekat mereka (suami/ isteri, anak, ibu bapa, adik beradik, datuk/nenek, cucu, ibu saudara, bapa saudara, sepupu, pasangan hidup, pasangan sivil atau keluarga mentua bagi hubungan tersebut atau keluarga “tiri”) atau ahli keluarga terdekat mereka.
- Pengurus tidak boleh menyelia sesiapa yang mempunyai hubungan romantik atau persahabatan akrab dengan mereka.
- Kakitangan Bunge yang mempunyai hubungan kekeluargaan tidak boleh berkongsi tanggungjawab bagi kawalan atau audit aset Bunge yang penting.
- Syarikat tidak akan mengambil ahli keluarga terdekat pengarah atau pegawai eksekutif sebagai pekerja tanpa mendapat kelulusan yang sewajarnya daripada Ketua Pegawai Undang-undang.

Peluang korporat

Kita tidak boleh bersaing dengan Bunge atau menggunakan harta benda Syarikat, maklumat atau jawatan di Bunge untuk meraih manfaat peribadi. Kita tidak dibenarkan menerima (begitu juga ahli keluarga terdekat kita) sebarang peluang perniagaan atau pelaburan yang diperoleh semasa tempoh pekerjaan kita tanpa memberikan peluang tersebut kepada Bunge terlebih dahulu. Selain itu, kita dilarang membantu orang lain mengambil peluang perniagaan atau pelaburan tersebut untuk manfaat peribadi, termasuk ahli keluarga atau rakan.

Melaporkan konflik kepentingan

Jika anda terlibat dalam situasi konflik kepentingan atau mengesyaki anda mungkin terlibat, anda mesti segera mendedahkan maklumat ini kepada pengurus anda, Jabatan Undang-undang atau GEC, dan melalui alat pendedahan konflik kepentingan. Ingat, mempunyai konflik kepentingan tidak semestinya melanggar Kod kita, tetapi tidak mendedahkan konflik kepentingan merupakan suatu pelanggaran. Anda juga mungkin diminta untuk mendedahkan kemungkinan konflik setiap tahun.

Untuk mendapatkan maklumat tentang mengenal pasti dan menangani konflik kepentingan, semak Dasar Konflik Kepentingan Bunge.



Hadiah & Keraian

Bertukar-tukar tanda penghargaan seperti hadiah atau keraian boleh memupuk nama baik dan mengukuhkan hubungan dengan pelanggan serta rakan perniagaan kita. Bagaimanapun, tanda penghargaan ini begitu mudah boleh mewujudkan konflik kepentingan yang sebenar atau tanggapan, dan ada antaranya yang mungkin menyalahi undang-undang.

Sentiasa pastikan mana-mana hadiah yang diberikan atau diterima adalah dibenarkan mengikut Kod kita dan **Dasar Hadiah dan Keraian** serta mematuhi undang-undang yang berkenaan.

Kita dilarang daripada memberikan, menawarkan atau menerima sebarang hadiah atau keraian – sama ada secara langsung atau tidak langsung – yang mungkin kelihatan mempengaruhi keputusan perniagaan atau menjejaskan pertimbangan bebas.

Sebarang penawaran hadiah atau tanda penghargaan perniagaan yang lain selain item promosi yang bernilai kecil hendaklah dilaporkan kepada dan diluluskan oleh pengurus anda.

Anda mesti melaporkan sebarang tawaran wang tunai, fi atau suapan kepada GEC atau Jabatan Undang-undang dengan segera.

Sebarang aktiviti yang mungkin dianggap berlebihan atau kerap, atau yang boleh memalukan Bunge mungkin tidak akan dibenarkan dan mestilah mendapat kelulusan.

Sebarang tawaran makan minum atau keraian yang melibatkan perjalanan atau penginapan semalaman memerlukan kelulusan pengurus anda terlebih dahulu.

Jangan sekali-kali terima hadiah atau keraian dalam tempoh proses pembidaan, permohonan atau tender rasmi.



GARIS PANDUAN UMUM BERKAITAN HADIAH

- Nilai yang rendah
- Bukan tunai atau setara tunai
- Tidak kerap
- Melengkapi hubungan perniagaan secara munasabah
- Konsisten dengan amalan perniagaan dan industri setempat
- Tidak menyebabkan penerima berasa terhutang budi atau memberikan tanggapan terhutang budi
- Tidak menyalahi undang-undang setempat atau dasar syarikat penerima
- Telah menerima semua kelulusan dalaman yang diperlukan, sepertimana yang sepatutnya

Semak Dasar Hadiah & Keraian Bunge untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Anda mesti menggunakan alat pengisytiharan Hadiah & Keraian Bunge untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu bagi sebarang hadiah atau keraian yang ingin anda tawarkan atau terima.

Nota: Terdapat pertimbangan dan keperluan tambahan yang terpakai bagi pemberian hadiah dan keraian kepada pegawai kerajaan, seperti yang dibincangkan dalam [Memfokuskan Rakan Perniagaan Kita – Menolak Rasuah dan Penyelewangan](#).

MEMFOKUSKAN RAKAN PERNIAGAAN KITA

Menyediakan Produk dan Perkhidmatan yang
Selamat serta Berkualiti Tinggi

Melayan Orang Lain dengan Adil

Bersaing Secara Adil

Menolak Rasuah dan Penyelewengan

Menjalankan Perniagaan di Persada Antarabangsa



Menyediakan Produk & Perkhidmatan yang Selamat serta Berkualiti Tinggi

Kita hendaklah sentiasa memastikan produk dan perkhidmatan kita mematuhi standard kualiti dan keselamatan yang tertinggi. Kita mematuhi undang-undang keselamatan dan kesihatan produk yang berkenaan untuk memelihara kepercayaan pelanggan kita.



Melayan Orang Lain dengan Adil

Berurusan secara adil dengan pelanggan

Reputasi kita dibina dengan nilai-nilai yang dicipta oleh setiap kakitangan dalam interaksi harian kita dengan pelanggan. Bunge komited kepada amalan melayan pelanggan dengan beretika, adil dan mengikut semua undang-undang yang berkenaan. Semua pernyataan tentang produk dan perkhidmatan mestilah adil, berdasarkan fakta dan lengkap. Kita menghargai hubungan perniagaan kita dan tidak boleh sekali-kali

menipu atau memperdaya pelanggan sedia ada atau bakal pelanggan.

Memilih pembekal

Kita menjalankan urusan perniagaan dengan pihak ketiga yang mengamalkan prinsip yang sejajar dengan Kod ini dan dasar-dasar Bunge, termasuk dasar yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan hal ehwal alam sekitar. Kita bergantung pada pembekal, kontraktor dan perunding untuk membantu kita mencapai matlamat kita. Mereka harus berasa yakin bahawa mereka dilayan secara

beretika. Kita menawarkan peluang yang saksama untuk calon pihak ketiga bersaing mendapatkan perniagaan kita. Pembekal dikehendaki mematuhi [Kod Kelakuan Pembekal](#).

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, semak Dasar Pengurusan Risiko Pihak Ketiga.



Bersaing Secara Adil

Bunge tertakluk pada undang-undang persaingan di kebanyakan negara tempat kita menjalankan perniagaan. Kita mesti bersaing dengan penuh integriti dan mematuhi undang-undang yang berkenaan. Untuk mencapai kejayaan, kita tidak boleh sekali-kali mengambil tindakan yang boleh mencalarakan reputasi Syarikat yang berpegang pada standard dan perilaku etika yang tinggi.

Mengelakkan perjanjian tidak wajar

Dasar Bunge menetapkan pematuhan penuh kepada undang-undang persaingan dan antipakat di bidang kuasa tempat kita beroperasi.

- Berwaspada dalam sebarang situasi yang memerlukan kita berinteraksi dengan pesaing Bunge, seperti semasa menghadiri persidangan industri atau acara persatuan perdagangan.
- Jangan membuat perjanjian rasmi atau tidak rasmi – sama ada berjaya atau tidak – dengan pesaing yang berkemungkinan mengekang atau menyekat perdagangan secara tidak sah.
 - Contoh termasuklah tetapi tidak terhad kepada menetapkan harga, menyekat output, memanipulasi bidaan dan membahagikan pasaran, wilayah atau pelanggan.
- Elakkan sebarang perjanjian yang mempakejkan produk atau perkhidmatan secara tidak wajar,

menetapkan harga jualan semula atau memboikot pelanggan tertentu.

Perjanjian tidak semestinya dibuat secara rasmi atau bertulis untuk menyalahi undang-undang. Perjanjian jabat tangan tidak rasmi juga boleh melanggar undang-undang persaingan.

Undang-undang persaingan agak rumit dan mungkin berbeza-beza mengikut negara. Sila rujuk Manual Pematuhan Undang-undang Persaingan kita dan hubungi Jabatan Undang-undang jika terdapat sebarang pertanyaan.

Maklumat bersaing tentang orang lain

Untuk berjaya, sememangnya penting Bunge mengumpulkan maklumat yang tepat pada masanya tentang industri, termasuk maklumat tentang pesaing. Amalan ini wajar dan dibenarkan, tetapi sila ambil maklum perkara yang berikut:

- Kita **hanya** boleh menggunakan maklumat yang diperolehi secara adil dan sah.
- Kita boleh menyemak maklumat **awam**, seperti jurnal perdagangan, siaran akhbar atau laman web syarikat.

- Kita **tidak** boleh menerima maklumat bukan awam melalui aktiviti yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika, seperti tipu muslihat atau manipulasi.
- Kita **tidak** boleh sekali-kali mendapatkan khidmat pihak ketiga untuk memperoleh maklumat bersaing yang menyalahi peraturan jika diperolehi sendiri.

Jika anda ditawarkan maklumat sulit atau proprietari yang anda percaya diperolehi secara tidak wajar, segera laporkan kepada Jabatan Undang-undang.



Bersaing Secara Adil

Pematuhan perdagangan

Jangkauan global Bunge menghendaki kita melaksanakan usaha wajar yang bersesuaian terhadap pihak ketiga yang berkolaborasi dengan kita, dan kita mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan negara serta antarabangsa yang berkaitan dalam aktiviti perdagangan dan import serta eksport produk, perkhidmatan dan teknologi. Peraturan ini rumit dan boleh berubah dengan cepat apabila kerajaan membuat perubahan berdasarkan isu politik dan keselamatan baharu. Jika kerja kita melibatkan pematuhan perdagangan antarabangsa, kita mesti memahami, dan mematuhi semua undang-undang yang berkaitan dengan kerja kita serta pergerakan barangan kita. Kita menghendaki vendor kita memahami undang-undang yang terpakai pada produk mereka.

Kita (dan vendor kita) mesti memberikan:

- perihalan produk yang tepat
- klasifikasi tarif yang betul
- maklumat penilaian
- pernyataan negara asal bagi semua item yang diimport atau dieksport, apabila diperlukan



Menolak Rasuah & Penyelewengan

Rasuah dan sogokan

Hampir semua negara melaksanakan undang-undang yang melarang rasuah, penyelewengan dan sogokan. Seseengah undang-undang ini, misalnya Akta Amalan Rasuah Asing A.S. dan Akta Rasuah U.K., terpakai pada aktiviti di luar sempadan negara tersebut. Kita mematuhi undang-undang A.S. dan negara-negara lain yang berkenaan, yang direka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan. Kita tidak bertolak ansur dengan penyelewengan dalam apa-apa juga bentuk, secara terbuka atau rahsia, sama ada ditawarkan, dibayar, diterima atau diminta secara langsung oleh kakitangan kita, atau secara tidak langsung melalui pihak ketiga. Kita mencari rakan perniagaan — pengedar, pembekal, perunding, ejen, dan penyedia pihak

ketiga yang lain — yang berusaha untuk bertindak selaras dengan Kod kita dan dasar lain yang berkenaan. Kita tidak mahu berurus niaga dengan pihak ketiga yang melanggar standard tinggi kita atau menjejaskan nilai-nilai yang kita amalkan.

Rasuah bermaksud menawarkan atau memberikan apa-apa yang bernilai untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan, mendapatkan sebarang jenis kelebihan perniagaan atau mempengaruhi keputusan.

Kita hendaklah:

- **Jangan sekali-kali** menawarkan, meminta, menerima atau menyatakan hasrat untuk menerima sebarang bentuk bayaran yang boleh dianggap sebagai rasuah, termasuk sogokan.

- **Jangan sekali-kali** meminta pihak ketiga untuk memberikan atau menawarkan untuk memberikan sebarang rasuah kepada sesiapa bagi pihak kita.
- **Sentiasa** memastikan pihak ketiga yang dipilih untuk mewakili Bunge (cth. perunding, ejen, wakil, ejen penghantaran, ejen logistik lain dan rakan usaha sama) mengetahui dan mematuhi undang-undang antirasuah.
- **Sentiasa** memastikan tahap usaha wajar yang bersesuaian dijalankan sebelum menjalin hubungan perniagaan dengan pihak ketiga.

Sogokan ialah sejumlah wang yang dibayar sebagai ganjaran kerana membuat atau memupuk pengaturan perniagaan.



Untuk mendapatkan maklumat dan panduan tambahan, sila rujuk Dasar Antirasuah dan Dasar Pengurusan Risiko Pihak Ketiga.

Menolak Rasuah & Penyelewengan

Interaksi dengan pegawai kerajaan

Undang-undang berhubung interaksi dengan pegawai kerajaan adalah rumit. Sama ada mereka merupakan pelanggan atau pengawal selia, kita mestilah menunjukkan komitmen kepada etika – di mana-mana jua, setiap hari.

- Kita mesti mengetahui dan mematuhi Kod kita, dasar kita dan pelbagai undang-undang antirasuah yang terpakai apabila berinteraksi dengan pegawai kerajaan.
- Memberikan hadiah kecil atau belanja makan minum yang murah sekalipun kepada pegawai kerajaan atau ahli keluarga mereka mungkin tidak wajar atau menyalahi undang-undang dan dianggap rasuah. (Rujuk [Hadiah & Keriaan](#) untuk mendapatkan maklumat lanjut.)
- Hukuman sivil dan jenayah yang berat boleh dikenakan terhadap Bunge dan pekerja yang terlibat dalam pelanggaran undang-undang antirasuah.

Pencegahan perubahan wang haram

Kita mematuhi semua undang-undang yang melarang perubahan wang haram atau pembiayaan untuk tujuan yang haram atau menyalahi undang-undang. Kita tidak boleh menjalankan urusan niaga yang melibatkan dana yang dijanakan melalui aktiviti jenayah seperti penipuan, keganasan atau penjualan dadah. Berbuat demikian boleh melanggar undang-undang pencegahan perubahan wang haram dan antikeganasan.

Berwaspada dengan “bendera merah”, termasuk permintaan seperti pembayaran tunai, bayaran kepada pihak ketiga yang tidak terlibat dalam kontrak, atau terma pembayaran yang luar biasa. Kita tidak boleh menjalankan perniagaan dengan individu atau organisasi yang kita percaya secara munasabah mungkin terlibat dalam perubahan wang haram atau sebarang proses yang cuba dilakukan oleh individu atau organisasi tersebut untuk menyembunyikan dana haram atau menampakkannya seolah-olah dana tersebut sah.

Sentiasa pastikan bahawa Bunge menjalankan perniagaan dengan pelanggan atau rakan perniagaan yang berwibawa, atas tujuan yang sah, dengan dana yang sah.

Pengubahan wang haram berlaku apabila individu atau kumpulan cuba menyembunyikan hasil daripada aktiviti haram atau menjadikan sumber dana haram mereka kelihatan seakan sah.

Hubungi Jabatan Undang-undang atau GEC jika anda mendapati sebarang transaksi yang kelihatan tidak betul.

Jika anda ada soalan tentang interaksi dengan pegawai kerajaan atau jika anda mendapati atau mengesyaki berlakunya rasuah/sogokan, hubungi Jabatan Undang-undang atau GEC dengan segera.

Untuk mendapatkan maklumat dan panduan tambahan, sila rujuk Dasar Antirasuah.

Menjalankan Perniagaan di Persada Antarabangsa

Mengendalikan import dan eksport

Kita mematuhi semua undang-undang yang mengawal selia aktiviti perniagaan antarabangsa kita. Warga kerja yang terlibat dalam aktiviti mengimport atau mengeksport barangan atau perkhidmatan mestilah memahami dan mematuhi Dasar Pematuhan Sekatan Ekonomi dan undang-undang berhubung eksport, eksport semula atau import.

Sekatan ekonomi dan undang-undang anti-boikot

Syarikat kita mematuhi semua sekatan ekonomi dan undang-undang anti-boikot yang berkenaan.

Sekatan ekonomi ialah larangan yang dikenakan terhadap negara dan individu atau entiti sasaran oleh kerajaan dan organisasi antarabangsa, dan larangan terhadap jenis urus niaga yang tertentu.

Aktiviti yang disekat termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- pemindahan aset
- pembayaran wang
- penyediaan perkhidmatan
- urusan kewangan
- eksport dan import
- perjalanan ke negara tertentu

Bunge mematuhi semua sekatan yang berkenaan di mana-mana juga kita menjalankan perniagaan. Kita juga tertakluk kepada undang-undang anti-boikot tertentu yang melarang syarikat daripada mengambil bahagian atau bekerjasama dengan boikot antarabangsa yang berasaskan diskriminasi. Kita dikehendaki menolak kegiatan tersebut dan mungkin perlu melaporkan kegiatan itu kepada pihak berkuasa kawal selia. Kegagalan mematuhi undang-undang ini boleh menyebabkan hukuman yang berat, termasuk hukuman sivil dan jenayah.

Untuk mendapatkan maklumat dan panduan tambahan, sila rujuk Dasar Pematuhan Sekatan Ekonomi.

Bagi pertanyaan tentang undang-undang sekatan ekonomi, undang-undang atau dasar anti-boikot, hubungi GEC.



MEMFOKUSKAN PEMEGANG SAHAM KITA

Buku dan Rekod yang Tepat
Perdagangan Orang Dalam



Buku & Rekod yang Tepat

Amalan perakaunan yang jujur dan tepat

Kita mesti memastikan bahawa kita jujur dan tepat dalam setiap aspek perniagaan kita, termasuk memastikan pendedahan kewangan serta pendedahan lain kepada orang awam dan kerajaan di seluruh dunia adalah lengkap, tepat, tepat pada masanya dan boleh difahami. Kita semua mempunyai peranan masing-masing untuk memastikan matlamat penting ini dipenuhi. Selain itu, pemegang saham bergantung pada kita untuk memastikan buku dan rekod yang tepat. Buku dan rekod mesti memberikan gambaran yang tepat tentang operasi dan kedudukan kewangan Syarikat. Kakitangan tidak boleh memalsukan atau memberikan salah nyataan tentang hakikat sebenar mana-mana transaksi. Menjalankan sebarang transaksi yang tidak direkodkan dalam buku dan rekod adalah dilarang keras.

Pendedahan dan penipuan kewangan

Penyata kewangan setempat dan disatukan Syarikat mestilah tepat dan saksama. Bunge mesti menyerahkan pelbagai laporan kewangan dan pemfailan lain kepada pihak berkuasa kawal selia A.S. dan pengawal selia bidang kuasa yang lain.

- Serahkan dokumen yang tepat dan tepat pada masanya.
- Patuhi semua keperluan undang-undang dan kawal selia yang berkaitan dengan pelaporan.

- Patuhi sistem kawalan dalaman Bunge dan keperluan perakaunan yang berkenaan.
- Laporkan sebarang ketaknalaran perakaunan atau pengauditan yang disyaki dengan segera.
- Jangan cemarkan nilai-nilai teras kita dengan melakukan penipuan.

Penipuan berlaku apabila pekerja menyalahgunakan sumber Syarikat atau secara sengaja menyembunyikan, mengubah, memalsukan atau tidak memasukkan maklumat untuk manfaat diri sendiri atau manfaat orang lain.

Rekod atau laporan yang tidak tepat, tidak lengkap atau tidak tepat pada masanya boleh menyebabkan liabiliti undang-undang ke atas mereka yang terlibat, di samping tindakan tatatertib, sehingga dan termasuk penamatan perkhidmatan.

Pengurusan rekod

Rekod Bunge tertakluk pada undang-undang dan peraturan, seperti keperluan kesihatan dan keselamatan pekerjaan dan standard perakaunan. Maklumat yang dihasilkan oleh Bunge merupakan rekod perniagaan, tanpa mengira cara maklumat tersebut disimpan. Kakitangan mesti menyelenggara, menyimpan dan memunsahkan rekod perniagaan menurut Dasar Pengurusan dan Penyimpanan Rekod.

Apa-apa dokumen yang berada dalam kawalan anda yang berkaitan dengan prosiding undang-undang atau siasatan tidak boleh diubah, disembunyikan atau dihapuskan sehingga anda diberitahu sebaliknya. Hal ini dirujuk sebagai **penahanan undang-undang (legal hold)**.

Jika terdapat sebarang pertanyaan tentang sama ada sesuatu rekod termasuk dalam penahanan undang-undang, hubungi Jabatan Undang-undang.

Audit dan siasatan

Bunge akan memberikan kerjasama kepada juruaudit luar, penyiasat luar dan penyiasat kerajaan yang menjalankan pemeriksaan atau semakan produk atau aktiviti Bunge. Kita tidak harus sekali-kali mengganggu atau mempengaruhi sebarang pemeriksaan atau penilaian.

Rujuk pengurus anda, Jabatan Undang-undang atau GEC jika ada pertanyaan semasa proses audit atau siasatan. Jika berlaku siasatan kerajaan, patuhi semua protokol setempat, termasuk menghubungi Jabatan Undang-undang secepat mungkin sebelum mengambil tindakan seterusnya.

Perdagangan Orang Dalam

Mungkin ada antara kita yang terdedah kepada maklumat dalaman tentang Bunge, pelanggan atau rakan perniagaan melalui kerja kita.

Perdagangan orang dalam ialah pembelian atau penjualan sekuriti syarikat berdasarkan maklumat material—iaitu, maklumat penting tentang Syarikat yang belum diketahui oleh orang ramai.

Undang-undang di kebanyakan negara—dan dasar dalaman kita—melarang perdagangan orang dalam.

- Maklumat sulit Syarikat tidak boleh digunakan untuk meraih manfaat peribadi.
- Anda tidak boleh berdagang sekuriti Bunge secara sah atau memberitahu orang lain untuk berdagang sehingga berlalunya tempoh waktu yang munasabah setelah maklumat material diketahui oleh orang ramai, contohnya, melalui siaran akhbar, siaran web yang boleh diakses oleh orang awam, atau pemfailan dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa A.S.

- Sekatan ini terpakai pada perdagangan sekuriti syarikat lain yang kita mempunyai urusan perniagaan jika anda memiliki maklumat dalaman.
- Anda dan Bunge boleh menerima akibat yang buruk, termasuk hukuman denda yang berat dan penjara jika berlaku pelanggaran undang-undang perdagangan orang dalam. Anda juga boleh dikenakan tindakan tatatertib, sehingga dan termasuk penamatan perkhidmatan.

Apakah maksud maklumat material dan maklumat dalaman?

Maklumat material ialah apa-apa maklumat yang mungkin dianggap penting oleh pelabur yang baik bagi menentukan sama ada untuk membeli, menjual atau memegang sekuriti sesebuah syarikat (cth, saham, bon, opsyen).

Maklumat dalaman belum dihebahkan secara terbuka kepada orang ramai.

Nota: Secara amnya di Bunge, sekurang-kurangnya tiga hari perdagangan penuh mestilah telah berlalu selepas penyiaran maklumat secara sah sebelum maklumat itu dianggap maklumat awam.

Jika anda percaya anda memiliki maklumat material tentang Bunge atau syarikat lain dan sedang mempertimbangkan urus niaga sekuriti, sila rujuk [Dasar Perdagangan Orang Dalam](#) atau rujuk Jabatan Undang-undang.



Perdagangan Orang Dalam

Antara contoh lazim maklumat material termasuklah:

- anggaran perolehan atau data atau ramalan keuntungan bagi mana-mana tempoh – baik atau tidak
- pengambilalihan, penyahlaburan, pelaburan atau pengurangan operasi, yang signifikan dan akan dilaksanakan
- transaksi pembiayaan penting, seperti penggunaan pinjaman signifikan bagi kemudahan kredit atau penawaran sekuriti
- hal yang berkaitan dividen tunai, belian semula saham atau pecahan saham
- perkembangan berhubung litigasi signifikan, siasatan kerajaan atau perkembangan lain yang berkaitan undang-undang
- perubahan signifikan dalam pengurusan
- maklumat yang signifikan tentang produk atau perkhidmatan baharu

Pemberian tip

Undang-undang perdagangan orang dalam juga terpakai pada perkongsian maklumat material bukan awam dengan rakan atau keluarga. Memberikan cadangan kepada orang lain tentang perdagangan dipanggil *memberi tip*.

Pemberian tip dianggap satu bentuk perdagangan orang dalam dan pemberi serta penerima maklumat boleh berdepan denda atau hukuman penjara.



MEMFOKUSKAN KOMUNITI KITA

Isu Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

Aktiviti Politik

Komunikasi Luaran

Sumbangan



Alam Sekitar, Sosial & Tadbir Urus

Kita membuat keputusan berdasarkan asas kepimpinan beretika, akauntabiliti dan pengawasan alam sekitar. Kita berhasrat menjadi peneraju industri, mendorong kemampanan dan tanggungjawab pada setiap langkah dalam rantaian bekalan dari ladang ke meja.

Menanam tanaman penting untuk menghasilkan makanan, makanan haiwan dan bahan api namun pada masa yang sama, kita perlu memelihara ekosistem. Di Bunge, kita percaya bahawa komoditi yang kita peroleh mestilah dihasilkan melalui kaedah yang boleh dijejaki dan dipantau dengan teliti. Kita mahu melindungi hutan dan biodiversiti, menyumbangkan usaha mengurangkan pelepasan gas rumah hijau, memberikan impak sosial yang positif, dan menghormati hak orang asal, pekerja dan komuniti setempat.

Kita berusaha menjadi ahli komuniti yang aktif dan berguna di tempat kita menjalankan perniagaan, dan

mewujudkan hubungan saling bermanfaat jangka panjang dalam komuniti tempat kita beroperasi.

- Kita memerangi perubahan iklim dengan membuat keputusan bersepadu yang memfokuskan karbon dalam seluruh organisasi kita.
- Kita memanfaatkan teknologi, insentif dan kolaborasi dengan industri untuk mengurangkan risiko pembasmian hutan dalam rantaian bekalan kita.
- Kita menghormati dan memegang standard sejagat dalam isu hak asasi manusia dan bebas eksploitasi dalam operasi kita serta seluruh rantaian bekalan. Kita juga menolak kerjasama dengan mereka yang kita ketahui atau syaki melanggar hak asasi manusia, menyalahi undang-undang antirasuah, atau kita akan berdepan risiko mencalarakan reputasi Bunge.

- Kita menggunakan kedudukan kita yang unik sebagai pemimpin global untuk membawakan penyelesaian mampan dan bertanggungjawab secara sosial kepada petani serta pelanggan dalam seluruh rantaian bekalan.
- Kita bersikap telus dan berinteraksi dengan pihak berkepentingan serta rakan kongsi untuk memastikan kita mencapai matlamat kemampanan, di samping menyediakan sumber yang betul bagi menangani beberapa cabaran paling kritikal yang didepani planet kita hari ini.

Kita semua bertanggungjawab untuk mematuhi dasar Bunge dalam isu buruh, hak asasi manusia dan standard alam sekitar, dan menghormati semua undang-undang serta peraturan yang berkenaan di lokasi kita bekerja.

Untuk mendapatkan maklumat dan panduan tambahan, sila rujuk [Dasar Tanggungjawab Alam Sekitar](#) dan [Dasar Hak Asasi Manusia](#).



Aktiviti Politik

Kita semua berhak menyokong aktiviti politik pilihan sendiri, menggunakan waktu kita sendiri dan atas perbelanjaan sendiri. Walau bagaimanapun, Bunge melarang keras perkara yang berikut:

- Menggunakan harta benda atau sumber Bunge untuk aktiviti politik peribadi
- Mengadakan sebarang aktiviti politik bagi pihak Bunge, kecuali diberikan kebenaran
- Memaksa rakan sekerja menyokong objektif yang tertentu

Pilihan anda untuk menyokong objektif politik atau sebaliknya tidak akan memberikan kesan pada kedudukan anda di Bunge mahupun kemungkinan kenaikan pangkat pada masa akan datang. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Jabatan Undang-undang atau Jabatan Hal Ehwal Kerajaan.



Komunikasi Luaran

Permintaan untuk wawancara atau maklumat daripada media

Komunikasi dengan orang awam mestilah menyampaikan gambaran yang lengkap, tepat dan benar tentang perniagaan kita. Hanya wakil Syarikat yang ditetapkan boleh berkongsi maklumat dan berita tentang Bunge. Kita tidak dibenarkan membuat kenyataan umum bagi pihak Bunge melainkan dilantik sebagai jurucakap. Jika pemberita menghubungi anda, sila hubungi Jabatan Komunikasi.

Kita mungkin ditanya atau ingin menyatakan pandangan atau memberikan maklumat kepada

media berita, dalam ucapan awam atau dalam rencana penerbitan tentang Bunge atau perniagaan kita. Untuk memastikan penyampaian maklumat yang wajar dan tepat, kakitangan mesti membincangkan semua komunikasi tersebut dengan Jabatan Perhubungan Pelabur, Jabatan Komunikasi atau Jabatan Undang-undang. Sebarang jenis pendedahan yang dinyatakan dalam Dasar Pendedahan Korporat, termasuk pendedahan yang dibuat kepada pemegang saham, pelabur, penganalisis dan pihak berkuasa kawal selia sekuriti mestilah dibincangkan dengan Naib Presiden, Perhubungan Pelabur.

Pertanyaan daripada pelabur

Begitu juga, berita yang mungkin mempengaruhi pelabur atau memberikan kesan kepada pasaran sekuriti hanya boleh disiarkan melalui wakil Syarikat yang ditetapkan. Jika pelabur, penganalisis sekuriti atau orang hubungan kewangan yang lain meminta maklumat daripada anda, sila rujuk mereka kepada [Perhubungan Pelabur](#), meskipun permintaan tersebut dibuat secara tidak rasmi.

Untuk mendapatkan maklumat dan panduan tambahan, sila rujuk Dasar Kerahsiaan dan Pendedahan Korporat.



Sumbangan

Bunge berusaha menyokong komuniti tempat kita beroperasi dengan memberikan sokongan kewangan atau bukan kewangan kepada organisasi yang misi atau aktivitiya sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan Bangsa-bangsa Bersatu, dengan memfokuskan SDG Mengakhiri Kelaparan dan Pendidikan Berkualiti. Keputusan sumbangan secara amnya adalah berdasarkan beberapa kriteria yang dinyatakan dalam Dasar Sumbangan.



SUMBER

Etika dan Pematuhan Global (GEC) dan Ketua Pegawai Pematuhan

Ketua Pegawai Pematuhan dan anggota pasukan GEC memikul tanggungjawab utama bagi pentadbiran harian dan penguatkuasaan Kod Kelakuan. Sekiranya kelulusan daripada GEC diperlukan mengikut Kod, kakitangan hendaklah merujuk pengurus GEC wilayah mereka. Maklumat hubungan bagi semua pengurus GEC boleh diakses pada portal GEC. Anda juga boleh menghubungi GEC melalui BGE.Bunge.Ethics.Compliance@bunge.com.



Global Ethics & Compliance
ETHICS, EVERYWHERE, EVERY DAY

Jabatan Undang-undang

Jabatan Undang-undang bekerjasama rapat dengan Ketua Pegawai Pematuhan dan GEC untuk memastikan pematuhan Kod Kelakuan yang konsisten di seluruh Syarikat dan menyokong dasar serta tatacara. Ini sumber tambahan yang boleh membantu menangani pertanyaan berkaitan pematuhan.


Talian Bantuan Bunge

Talian bantuan ini disediakan dalam pelbagai bahasa dan boleh diakses di [Talian Bantuan Bunge](#) dan melalui telefon. Senarai nombor telefon bebas tol mengikut negara boleh didapati di [Talian Bantuan Bunge](#).

Penyedia pihak ketiga bebas mengendalikan talian bantuan ini dan talian **boleh dihubungi 24 jam sehari, 365 hari setahun**. Meskipun individu digalakkan untuk memberikan butiran mereka, laporan secara awanama diterima di lokasi yang dibenarkan oleh undang-undang setempat. Laporan akan dirahsiakan setakat yang mungkin, selaras dengan keperluan untuk siasatan dan penyelesaian yang sewajarnya. Laporan awanama akan dikendalikan, jika boleh, mengikut maklumat yang diberikan.

Pendedahan penepian

Penepian Kod ini tidak dijangka tetapi boleh dibuat dalam keadaan terhad yang tertentu. Sebarang penepian Kod ini memerlukan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pegawai Pematuhan atau Ketua Pegawai Undang-undang. Sebarang pelepasan bagi pegawai eksekutif atau pengarah Bunge Global SA boleh dibuat hanya jika diluluskan oleh Lembaga Pengarah atau jawatankuasa Lembaga, dan mesti didedahkan sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang yang berkenaan.



SOALAN & JAWAPAN

Alisha berpendapat pengurusnya meminta dia melakukan sesuatu yang melanggar Kod Kelakuan. Apakah tindakan yang perlu diambilnya?

Jorge bekerja di kilang pemprosesan kacang soya Bunge. Dia berjalan tempang. Sekumpulan rakan sekerja memperolok-olokkan Jorge dengan berpura-pura tempang dan melemparkan komen yang menggores hatinya. Jorge berasa sedih dengan layanan yang diterima daripada rakan sekerja itu. Apakah yang harus dia lakukan?

Injap tutup tidak berfungsi pada satu komponen peralatan pembuatan, dan injap ganti akan dipasang dalam masa beberapa hari. Pengurus mengingatkan Gustavo agar berhati-hati tetapi meminta dia terus menggunakan peralatan itu supaya pengeluaran dapat diteruskan. Gustavo berpendapat saranan itu salah. Apakah yang harus dia lakukan?

Deborah dan rakan sekerjanya Martin menggunakan keretanya sendiri dan membuat keputusan untuk makan tengah hari di luar pejabat. Martin berhenti untuk mengisi minyak dan menggunakan kad kredit Syarikat untuk membayar minyak itu. Deborah mempersoalkan transaksi itu, dan Martin menjawab bahawa itu hanya kali kedua dia menggunakan kad Syarikat untuk membeli minyak. Dia menjelaskan bahawa Syarikat “berhutang dengannya” kerana dia tidak mengenakan caj lebih masa bagi kerja tambahan yang dilakukan olehnya kebelakangan ini. Apakah yang harus dilakukan oleh Deborah?

Jika Alisha berasa tidak selesa dengan permintaan pengurusnya atau tidak selesa bercakap dengan pengurusnya, dia harus mengajukan kebimbangannya dengan mana-mana sumber lain yang disenaraikan di bawah [Bertanya Soalan & Mengajukan Kebimbangan](#).

Jorge harus melaporkan perbuatan tersebut kepada pengurusnya atau mana-mana sumber lain yang disenaraikan di bawah [Bertanya Soalan & Mengajukan Kebimbangan](#). Bunge akan menyiasat laporan Jorge dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Pendapat Gustavo betul. Tiada kerja yang terlalu penting atau mendesak sehingga kerja tersebut harus dilakukan secara tidak selamat. Gustavo boleh mengarahkan henti kerja jika dia percaya situasi itu tidak selamat. Gustavo harus melaporkan situasi ini kepada seorang anggota pengurusan yang lain atau mana-mana sumber lain yang disenaraikan di bawah [Bertanya Soalan & Mengajukan Kebimbangan](#).

Bunge percaya semua kakitangannya akan menggunakan sumber Syarikat dengan jujur. Pendapat Deborah betul bahawa Martin tidak seharusnya menggunakan kad Syarikat untuk pembelian peribadi. Memandangkan Deborah menyedari sumber Syarikat disalahgunakan, dia harus melaporkan salah laku itu. Dia hendaklah menghubungi mana-mana sumber yang disenaraikan di bawah [Bertanya Soalan & Mengajukan Kebimbangan](#).

SOALAN & JAWAPAN

Magda membaca blog industri yang membuat ulasan tentang produk makanan. Dalam satu catatan blog, seorang penulis blog menghentam produk Bunge. Magda berpendapat komen itu tidak tepat dan memberikan tanggapan yang buruk terhadap Bunge. Dia mempertahankan Syarikat dalam blognya sendiri. Dia percaya bahawa dia boleh membawakan hujah yang kukuh kerana dia mempunyai akses kepada penyelidikan dalaman. Adakah cara ini baik untuk Magda mengendalikan situasi tersebut?

Baru-baru ini Ronaldo berpindah ke tapak salur angkut bijirin berdekatan kampung halamannya dan dinaikkan pangkat sebagai pengurus. Bapa saudaranya memiliki ladang berhampiran, dan dia mendapat tahu bahawa kadangkala mereka menjual jagung kepada Bunge. Ronaldo bimbang urus niaga ini boleh mewujudkan konflik kepentingan disebabkan jawatan baharunya di Bunge. Apakah yang harus dia lakukan?

Joanna bekerja di Jabatan Perolehan dan bertanggungjawab menerima dan mengendalikan bida daripada pembekal. Abang Joanna memiliki salah satu syarikat yang membida, tetapi tiada sesiapa di Bunge mengetahui hubungan tersebut. Dia bercadang menolak dua bidaan yang lebih rendah daripada bidaan syarikat abangnya. Dia berbelah bagi antara kesetiaan kepada keluarganya dan Bunge. Apakah yang harus dilakukan oleh Joanna?

*Tidak. Hasil penyelidikan dalaman adalah harta sulit Syarikat; aset ini mesti kita lindungi, bukan diterbitkan dalam talian. Magda harus mengendalikan situasi itu dengan menghubungi **Jabatan Komunikasi**. Pasukan komunikasi akan menentukan respons yang paling sesuai kepada blog tersebut, dengan membuat kenyataan dan mesej yang konsisten tentang Bunge dan produknya.*

*Kebimbangan Ronaldo memang ada asasnya dan situasi itu mesti dimaklumkan kepada **pengurusnya, Jabatan Undang-undang atau GEC, dan dilaporkan melalui alat pendedahan Konflik Kepentingan**. Mungkin Ronaldo tiada konflik kepentingan yang sebenar, tetapi tanggapan konflik kepentingan adalah penting dan mesti didedahkan. Sering kali kemungkinan konflik kepentingan boleh diurus dengan pendedahan sewajarnya, dan dalam situasi ini, dengan tidak melibatkan Ronaldo dalam keputusan pembelian yang berkaitan dengan ladang bapa saudaranya. Ingat, mempunyai konflik kepentingan tidak semestinya melanggar Kod kita, tetapi tidak mendedahkan konflik kepentingan merupakan suatu pelanggaran.*

*Joanna mesti memaklumkan kepada **pengurusnya, Jabatan Undang-undang atau GEC, dan melaporkan hubungan tersebut menggunakan alat pendedahan Konflik Kepentingan**, kemudian dia mesti menarik diri daripada proses pembidaan. Setiap kakitangan mempunyai obligasi untuk bekerja demi kebaikan Bunge.*

SOALAN & JAWAPAN

Sean ditawarkan dua tiket Piala Dunia oleh pembekal yang sedang berunding pembaharuan satu kontrak besar dengan Bunge. Sean memaklumkan tawaran itu kepada pengurusnya, dan mereka memutuskan Sean mesti menolak hadiah tersebut. Adakah Sean melakukan perkara yang betul?

Ya. Sean mendapatkan nasihat daripada pengurusnya sebelum menerima hadiah yang bernilai agak sederhana. Tindakan itu betul untuk menangani situasi tersebut. Selain itu, memandangkan Bunge sedang merundingkan pembaharuan kontrak dengan pembekal tersebut, tawaran pembekal boleh dianggap sebagai cubaan untuk mempengaruhi hasil rundingan dan jelas sekali merupakan konflik kepentingan.

Aziz bekerja dengan Bunge dan dia didatangi Khai, rakan sekolej yang bekerja untuk syarikat pesaing. Khai mengusulkan strategi untuk mereka meningkatkan jualan dengan membahagikan wilayah mereka. Adakah Aziz patut akur dengan rancangan Khai?

*Tidak. Mengagihkan pelanggan atau wilayah geografi melanggar undang-undang persaingan di hampir semua bidang kuasa, dan Bunge tidak membenarkan perbuatan itu. Jika pesaing memulakan perbincangan tentang pembahagian wilayah, hentikan perbualan dengan segera. Laporkan sebarang percubaan untuk membincangkan apa-apa yang tidak mencerminkan persaingan yang adil dengan segera kepada **Jabatan Undang-undang**.*

Cheng seorang pengurus kilang di kemudahan penapisan minyak makan Bunge yang sering dilawati oleh pemeriksa kesihatan awam yang sama. Pemeriksa tersebut menemukan beberapa kekurangan dan mengugut akan menutup kilang melainkan Cheng membayar sedikit wang tunai. Cheng bimbang akan gangguan kepada pengeluaran. Memandangkan amaun itu kecil, adakah dia boleh membuat pembayaran untuk memastikan kilang terus dapat beroperasi?

*Tidak. Cheng mungkin berpendapat dia membantu Syarikat dengan mengelakkan sebarang gangguan di kilang. Bagaimanapun, memberikan apa-apa yang bernilai kepada pemeriksa kesihatan dalam keadaan ini boleh dianggap sebagai rasuah, kerana pembayaran tersebut bertujuan mempengaruhi semakan kemudahan oleh pemeriksa tersebut. Cheng tidak boleh membuat pembayaran itu – dan dia mesti menghubungi **Jabatan Undang-undang** atau **GEC** dengan segera.*

SOALAN & JAWAPAN

Adriana mendapati kebocoran kecil pada bekas pelarut yang digunakan di tempatnya. Bekas itu akan dihantar ke lokasi lain. Dia membuat keputusan bahawa isu itu bukan menjadi masalahnya lagi selepas hari esok, jadi dia tidak menghiraukan masalah itu. Adakah Adriana membuat keputusan yang betul?

Tidak. Semasa dalam pengangkutan, bekas yang rosak itu boleh bocor ke kawasan lain lalu mengakibatkan bahaya alam sekitar. Adriana mesti melaporkan masalah yang dilihatnya dan mengikut protokol yang betul untuk menangani isu tersebut.

Natalia menerima pesanan daripada satu organisasi bukan untung yang meminta Bunge menghantar bijirin dalam jumlah yang banyak ke sebuah negara yang dilanda kemarau baru-baru ini. Dia mendapati negara tersebut dikenakan sekatan berasaskan negara oleh kerajaan tertentu, tetapi dia berfikir tentulah organisasi bukan untung itu mempunyai pengaturan khas justeru menjadikan penghantaran bantuan itu sah di sisi undang-undang. Oleh itu, dia berpendapat pesanan itu boleh dipenuhi. Adakah Natalia betul untuk mengambil tindakan seterusnya?

*Tidak. Natalia mesti mematuhi **Dasar Pematuhan Sekatan Ekonomi Bunge**, termasuk prosedur penyaringan pelanggan yang diperlukan, untuk memastikan Bunge mematuhi undang-undang sekatan yang berkenaan dengan sepenuhnya. Hubungi pasukan **Pematuhan Sekatan Global Bunge** untuk bertanyakan soalan.*

Michael sedang menjalankan inventori fizikal di salur angkut bijirin Bunge. Dia mendapati sedikit selisih. Dia tidak mahu bersusah payah mencari punca masalahnya, maka dia membuat keputusan untuk mengubah angka supaya tidak nampak perbezaan. Adakah cara Michael ini betul untuk menangani masalahnya?

*Tidak. Michael mungkin berpendapat pelarasan kecil boleh dibuat pada rekod atau angka Syarikat, tetapi maklumat yang kita serahkan dalam semua rekod Syarikat mestilah lengkap dan tepat. Michael mesti cuba untuk menyelesaikan percanggahan dan mendapatkan bantuan daripada **pengurusnya** atau jabatan **Pengawal** jika dia tidak berjaya menyelesaikan isu itu. Meskipun ada kalanya tidak tampak jelas bahawa maklumat yang kita sediakan mempunyai impak pada rekod kewangan Bunge, kita semua mempunyai peranan untuk memastikan matlamat penting ini dicapai.*

Rachel ialah pengurus komunikasi di Bunge. Dia sedang menulis siaran akhbar berkaitan pengambilalihan besar yang akan datang. Sebelum pengumuman terbuka dibuat, dia menggalakkan tunangnya membeli sebanyak mungkin saham Bunge. Jika dia tidak menyatakan butiran terperinci, bolehkah dia berbuat demikian?

Tidak. Walaupun Rachel tidak memberikan semua butiran yang diketahuinya, dia tetap menawarkan tip. Rachel mengeksploitasi jawatan dan maklumat yang diberikan kepadanya untuk keuntungan peribadi.

 BUNGE

